

19/07/1998

Tiada desakan terhadap Johan

BANGI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menafikan laporan media asing bahawa media tempatan terkongkong ekoran peletakan jawatan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Johan Jaaffar.

Dr Mahathir juga menafikan peletakan jawatan Johan kerana tekanan politik.

"Itulah yang mereka akan katakan. Tetapi ia tidak bermakna kepada kita.

"Apa yang kita kata itulah penting," katanya selepas merasmikan Sri Utusan, kompleks percetakan terbaru Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kerajaan kini mendapati media tempatan apabila diminta bekerjasama, ada antaranya memaklumkan kepada media asing yang kerajaan mengarahkan mereka berbuat demikian dan seterusnya memberi gambaran seolah-olah kerajaan mengongkong media.

"Tetapi, ada kalanya media tempatan lebih banyak mengutuk kerajaan berbanding media asing," katanya.

Sementara itu Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Tan Sri Kamarul Ariffin berkata, soal tekanan politik tidak timbul dalam peletakan jawatan Johan.

"Masalah itu semua tidak timbul."

"Ini spekulasi yang dibuat orang luar khususnya media dan mungkin juga diapi-apikan orang tempatan."

"Dia hendak mengundur diri, itu sahajalah," katanya.

Kamarul berkata, beliau menerima surat peletakan jawatan Johan, Selasa lalu tetapi belum membuat sebarang keputusan.

"Lembaga pengarah syarikat itu akan bermesyuarat Selasa ini untuk membincangkan peletakan jawatan Johan dan mungkin menamakan penggantinya," katanya.

(END)